



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Taiping Bandar Warisan

Jalan Taming Sari,
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan

No. Tel. : 05-808 0777
No. Faks : 05-805 3000 (Pejabat Yang Dipertua)
: 05-806 8957 (Jabatan Khidmat Pengurusan)
E-mel : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

Ruj.Kami: MPT/JKP/UT/2-2 Jld.2 (11)

28 Rabiulawal 1446H
02 Oktober 2024

Encik Ng Wei Jun
Pengerusi



Jawatankuasa Kecil Amalan Undang-Undang Jenayah
Hak Asasi Manusia & Wakil Jawatankuasa Peguam Perak Daerah-Daerah Utara
No. 41, Jalan Dato Maharajalela
30000 Ipoh
Perak

Tuan

PERMOHONAN UNTUK 8 PETAK KHAS (*atau seberapa banyak yang boleh diperuntukkan*) DI DEPAN KOMPLEKS MAHKAMAH TAIPING

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan bil. PBC/MPT PARKING LOTS-01/2024 bertarikh 12 September 2024 adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pentadbiran Majlis telah menerima permohonan daripada Jawatankuasa Peguam Perak untuk 8 petak khas (*atau seberapa banyak yang boleh dipertimbangkan*) di hadapan Kompleks Mahkamah Taiping.

3. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, dukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan tidak dapat dipertimbangkan setelah memperincikan beberapa perkara penting dalam pertimbangan permohonan tersebut antaranya:

- i. Parkir di Jalan Kota merupakan lokasi yang menjadi tumpuan orang awam dalam berurusan bersama Pejabat Kerajaan yang berdekatan;
- ii. Laluan berkenaan merupakan laluan yang utama & tumpuan umum pada hari bekerja.

4. Untuk makluman lanjut tuan, parkir khas bersebelahan Pejabat Daerah & Tanah Larut Matang & Selama merupakan parkir dibawah kawalan dan seliaan Pejabat tersebut dan ianya masih berada di dalam kawasan milikan Pejabat Daerah & Tanah Larut Matang & Selama. Pihak Majlis sama sekali tidak bertanggungjawab ke atas petak khas berkenaan dimana ianya merupakan tanah milikan Pejabat Daerah & Tanah Larut Matang & Selama.



5. Dengan ini, pihak Majlis mencadangkan tuan mengemukakan permohonan pas tempat letak kereta dalam kategori Kakitangan Kerajaan dengan kadar dan syarat yang telah ditetapkan.

Perhatian dari tuan berkenaan perihal ini amatlah dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AHMAD SHARIFHUDDIN BIN KASSIM, AMP., PPT.)
Pengarah Khidmat Pengurusan
b.p: Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

"PERAK SEJAHTERA 2030"
"PROMISING PERAK" TMP2024